

# Graduan Malaysia teramai di dunia, ada kerjakah?



**Lim Teck Ghee**

**L**APORAN terbaharu daripada sebuah pertubuhan antarabangsa pengukur prestasi universiti membawa sedikit kegembiraan kepada enam universiti awam di Malaysia.

Dalam senarai *Quacquarelli Symonds* yang mempunyai senarai 1,001 institusi akademik terbaik, Universiti Malaya berada di tangga ke-70, Universiti Putra Malaysia (159), Universiti Kebangsaan Malaysia (160), Universiti Sains Malaysia (165), Universiti Teknologi Malaysia (217) dan Universiti Utara Malaysia di kedudukan 591.

Tahniah kepada tenaga akademik dan pentadbir yang berupaya membawa prestasi universiti di Malaysia kepada kedudukan yang memberangsangkan.

Persoalan yang mungkin bermain di fikiran ramai, apakah nasib dan kedudukan 14 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) lain yang tidak langsung tersenarai dalam *QS ranking* atau *Times Higher Education (THE)* atau *Shanghai Ranking Consultancy (ARWU)*?

Walaupun pembuat polisi dalam negara mungkin mengetepikan atau tidak mengambil peduli tentang ranking daripada organisasi pengukur prestasi universiti di dalam dunia, ada juga kritikan beberapa sumber yang tidak senang dengan metodologi dan kebolehpercayaan data yang dimasukkan. Terdapatnya suatu pandangan dari dalam dan luar sektor pendidikan bahawa kita mula berada dalam suatu krisis lebih besar



**KEJAYAAN** Malaysia dapat diukur dengan membandingkan peratusan graduan kita yang lebih tinggi dari Finland, Jerman dan UK sebagai negara-negara model bagi pencapaian pendidikan. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

berkaitan pendidikan.

Akar umbi krisis ini peliknya datang daripada kejayaan dan keupayaan universiti-universiti di Malaysia dalam menghasilkan keluaran graduan yang bertimbun banyaknya. Kita mempunyai 538,000 pelajar sejak 31 Disember 2017 di semua IPTA. Universiti-universiti hebat yang enam tadi memiliki 180,000 pelajar dan sejumlah 350,000 lagi akan menamatkan pengajian dari tempat-tempat ini. Universiti Teknologi Mara (UiTM) sahaja mempunyai 160,000 pelajar.

Data menunjukkan universiti awam ditubuhkan selepas 1990. Jika kita mengandaikan sejumlah 100,000 graduan dihasilkan setiap tahun sejak berakhirnya Dasar Ekonomi Baru (DEB), ia mungkin bermakna sistem pendidikan kita berjaya mengeluarkan tiga juta graduan dengan kebarangkalian 2.5 juta daripada golongan bumiputera sahaja. Dan mungkin juga sejuta dari UiTM.

Kejayaan sebegini bagi

## PENCAPAIAN PENDIDIKAN BAGI POPULASI ANTARA 25 TAHUN KE ATAS (% SARJANA MUDA)

Finland	11.4	(2014)
Malaysia	16.4	(2010)
Japan	29.9	(2010)
Germany	13.7	(2015)
Australia	22.1	(2015)
Korea	20.8	(2010)
United Kingdom	17.1	(2014)
United States	20.5	(2015)

Sumber: *Unesco Institute of Statistics*

mengeluarkan graduan yang begitu ramai dalam jangka masa pendek boleh disifatkan sebagai suatu kejayaan yang tersendiri di dalam dunia.

Kejayaan Malaysia dapat diukur dengan membandingkan peratusan graduan kita yang lebih tinggi dari Finland, Jerman dan United Kingdom (UK) sebagai model bagi pencapaian pendidikan.

Ini bermakna Malaysia berkemungkinan besar mempunyai kadaran populasi berpendidikan menengah dan tinggi antara tertinggi bersamaan negara-negara

maju sejak 10 tahun lalu. Jika dikirakan pengiktirafan sijil akademik, Malaysia barangkali mempunyai populasi pemegang ijazah per kapita tertinggi di Asia, kemungkinan juga di dunia!

Kejayaan ini mungkin tidak diketahui langsung oleh pembuat polisi yang ingin menyambung konsep DEB atau pun mereka tahu tetapi buat-buat tak tahu dan tidak gemar untuk membincangkan implikasi besar terhadap nasib anak-anak muda kita.

'Kejayaan' ini juga boleh menjadi 'fakta' tentang krisis besar yang melanda sistem pendidikan tinggi kita. Krisis ini mempunyai impak besar tentang arah tuju pendidikan tinggi yang semacam tidak diambil kira oleh ahli-ahli politik dan kakitangan awam. Perkara ini harus diberi perhatian serius sekarang juga.

Masalah pendidikan tinggi di negara ini bukan hanya sekadar isu plagiat dan korupsi tetapi mempunyai dimensi pelbagai yang meruncing keadaan.

Ia termasuk aspek-aspek berkaitan kualiti pendidikan,

pengangguran, ketiadaan meritokrasi, kelemahan kebebasan akademik, tahap penyelidikan dan pengajaran yang rendah, semangat akademia yang rendah, kelemahan pentadbiran, tuduhan kenaikan pangkat berdasarkan politik, masalah kerja-kerja penyelidikan yang dikontrakkan serta akademia mata duitan.

Mungkin bagi saya, masalah paling besar adalah penghasilan graduan yang semakin ramai dan ia merupakan suatu fenomena tidak dapat dikawal. Apa akan terjadi apabila pelajar pasca menengah bertambah dari 1.2 juta kepada 2.5 juta dalam jangka masa 2012 hingga 2025, dengan jumlah majoriti dari golongan B40 (kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah)?

Bagaimanakah ekonomi dan masyarakat kita dapat menampung keperluan jutaan anak-anak muda dari kaum Melayu dan lain-lain yang akan membuat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau menggunakan wang tabungan keluarga bagi melalui kursus ijazah di peringkat tinggi di mana sijil-sijil yang bakal didapati kemungkinan tidak sesuai untuk pekerjaan masa depan?

Negara ini memerlukan suatu Suruhanjaya Diraja untuk melihat fenomena ini dengan lebih mendalam dan sensitif. Suruhanjaya ini juga perlu menilai semula sistem pendidikan pasca menengah supaya malapetaka daripada pendidikan yang tidak berhemah menjerat populasi muda anak-anak kita semua.

**LIM TECK GHEE** ialah bekas profesor di Universiti Malaya.